

Malaysia sangsang kemampuan tangani konflik India- Pakistan

BH 15 JUN 2001

SUBANG Jumaat - Malaysia tidak pasti sejauh mana peranan yang dapat dimainkan dalam menangani konflik serta ketegangan antara Pakistan dan India berhubung isu Kashmir.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ini kerana Malaysia adalah sebuah negara kecil sedangkan kuasa besar seperti Amerika Syarikat juga tidak dapat mempengaruhi keadaan.

"Saya tidak terfikir, saya juga boleh berkesan. Bagaimanapun, kita sudah menyatakan pendirian ia itu tidak ada guna mengadakan konfrontasi ketenteraan. Mereka sepatutnya berunding.

"Itu pendirian kita," katanya sekembali daripada lawatan seminggu ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas permintaan Pakistan yang meminta Malaysia mempengaruhi India supaya berusaha menyelesaikan pertelingkahan berhubung isu Kashmir dalam usaha mengendurkan ketegangan dan mengelakkan peperangan antara kedua-dua negara berjiran itu.

Harapan Islamabad itu disampaikan Utusan Khas Presiden Pervez Musharraf, Najmuddin A Shaikh, pada pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini kelmarin.

Baru-baru ini, Musharraf menyifatkan tindakan India mengendurkan ketegangan dua kuasa nuklear itu belum memadai dan mahu negara itu mengambil langkah lebih wajar.

India dan Pakistan merestakan lebih sejuta bala tentera ke sempadan kedua-dua negara berikutan serangan terhadap bangunan Parlimen India, Disember lalu. New Delhi menuduh kumpulan pejuang Kashmir yang disokong Pakistan bertanggungjawab terhadap serangan itu.

Mengenai lawatannya, Dr Mahathir berkata, lawatan ke tiga-tiga negara itu sebagai berjaya.